



LIMA kru warga Myanmarensis dan bot yang ditahan APMM Pulau Pinang di perairan Pulau Kendi.

HM 20/2/2023 ms. 16

## Lima lelaki Myanmar ditahan APMM

**Georgetown:** Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan kerana mengajikan lima warga Myanmar yang tiada sebarang dokumen perjalanan diri dalam pemeriksaan di 42.3 batu nautika barat laut Pulau Kendi di sini, kelmarin.

Pengarah APMM Pulau Pinang Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata pihaknya yang sedang men-

jalankan rondaan rutin telah memeriksa bot nelayan tempatan kelas C ketika sedang menangkap ikan pada 10.30 pagi.

"Ketika sedang ditahan tekong bersama empat lelaki yang semua warga Myanmar berusia 23 hingga 42 tahun sedang menang-

kap ikan menggunakan pukat tunda dan pemeriksaan awal mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati mereka tiada surat kelulusan bertulis atau permit kerja dari Ketua Penggarah Perikanan, Jabatan

**“Mereka tiada surat kelulusan bertulis atau permit kerja**

Abd Razak

Perikanan Malaysia ketika diminta penguat kuasa kami," katanya.

Beliau berkata semua mereka ditahan dan kes disiasat menurut Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu pemilik bot menggunakan warga asing tanpa kebenaran Ketua Penggarah Jabatan Perikanan Malaysia.